

# Kurang kos harian

Metro 14/4/12 MS 16.

MR1M. sesuai suasana ekonomi masa kini bantu golongan berpendapatan rendah, sederhana

Jelajah

## Janji Ditepati

>>Oleh Nadzy Harun

am@hmetro.com.my

**K**UALA TERENGGANU: Program Menu Rakyat 1Malaysia (MR1M) bersesuaian dengan keadaan ekonomi semasa kerana membantu mengurangkan perbelanjaan harian rakyat.

Pesara guru, Mohd Zawawi Daud, 65, berkata, program itu memberi kesan terutama bagi rakyat berpendapatan sederhana dan rendah.

"MR1M bersesuaian dengan persekitaran ekonomi negara ketika ini kerana memberikan pilihan kepada rakyat menikmati hidangan harga patut.

"Rakyat kini mempunyai lebih pilihan memilih kedai yang menawarkan harga lebih rendah menerusi MR1M.

"Saya syorkan jumlah kedai makan menyertai MR1M diperbanyakkan bagi kemudahan rakyat berbelanja," katanya ketika ditemui di kedai



**MOHD ZAWAWI...hidangan pada harga patut**

makan di Jalan Sultan Mahmud, di sini, semalam.

Dia yakin kedai makan yang terbabit dalam program itu mendapat pulangan lumayan berikutan dikunjungi lebih ramai pelanggan.

Mohd Khairul Faizal Ramlan, 31, berkata, langkah kerajaan mewujudkan MR1M yang menawarkan harga makanan berpatutan disambut



**SELERA...Sahabudeen (kanan) membantu Mohd Khairul Faizal memilih lauk.**

baik semua lapisan rakyat.

"Keadaan seperti ini harus dikekalkan bagi menjaga kebajikan rakyat sehingga harga makanan dipakejkan dengan harga rendah wajar dipuji.

"Saya berterima kasih kepada kepimpinan negara yang amat prihatin dalam membantu mengurangkan kos sara hidup terutama bagi mereka yang bekerja dan memilih untuk makan di luar," katanya.

Peniaga kedai makan, Sa-

habudeen Abdul Wahab, 53, berkata dia menyambut baik MR1M kerana jumlah pelanggannya bertambah susulan harga ditawarkan berpatutan.

"Mengekalkan harga makanan pada tahap minimum adalah elemen penting dan saya kini mempunyai pelanggan tetap yang datang waktu pagi, tengah hari dan petang setiap hari.

"MR1M bukan saja membantu rakyat memilih kedai makan yang menawarkan

harga minimum malah turut membantu peniaga menarik lebih ramai pelanggan," katanya ketika ditemui di kedainya di Jalan Sultan Mahmud, di sini, yang turut disenarai dalam program MR1M.

Menurutnya, walaupun harga makanan ditetapkan pada harga minimum, namun kualiti hidangan tetap diberikan keutamaan dan keadaan itu dilihat satu kelebihan yang ditawarkan PMR1M.